

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

**PLG 313 Kaedah Mengajar Fizik I**

Masa : [2 Jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMUA** soalan dari Bahagian A. Pilih dan jawab **DUA** soalan dari Bahagian B.

**BAHAGIAN A**

1. Apakah perubahan-perubahan yang terdapat dalam sukanan Fizik Moden Sijil Pelajaran Malaysia, jika dibandingkan dengan sukanan Fizik "Tradisi". Bincangkan perubahan-perubahan dari segi matlamat-matlamat, tujuan, kaedah-kaedah mengajar (termasuk aktiviti-aktiviti), buku-buku teks dan lain-lain perkara.

Apakah implikasi tiap-tiap perubahan-perubahan yang anda sebutkan untuk guru di sekolah menengah.

[30 markah]

2. Senaraikan proses-proses fikiran yang telah dicadangkan oleh Sund dan Trowbridge (1973) sebagai proses-proses fikiran penemuan dan proses-proses fikiran inkuiiri. Kaitkan senarai ini dengan proses-proses fikiran dalam satu ujikaji fizik di sekolah menengah. (Cadangan: Anda boleh gunakan Heuristik Vee dan proses penyiasatan santifik [Trowbridge] sebagai langkah-langkah dalam ujikaji fizik).


Dengan ringkasnya, kaitkan proses-proses penemuan dan inkuiiri dengan teori-teori pembelajaran Paiget. Apakah implikasinya untuk pengajaran Fizik di Sekolah Menengah.

[30 markah]

**BAHAGIAN B**

1. Terangkan "model" menganalisa masalah-masalah Fizik yang dicadangkan dalam kursus ini. Gunakan model ini dan buat analisa atas masalah Fizik berikut:

Dua blok disambungkan dengan satu tali dan ditolak atas satu papan kayu seperti ditunjukkan dalam gambarajah 1.  $M_1$  adalah satu blok kayu jisim 25gm dan  $M_2$  adalah satu blok logam jisim 40gm. Apakah tarikan ke arah kanan untuk memberi cantuman ini (2 blok) satu cepatan  $5 \text{ cm/sec}^2$ ? Apakah daya tarikan tali antara  $M_1$  dan  $M_2$ ?



Masalah ini diberi selepas pelajaran hukum-hukum, Newton, daya, cepatan dan jisim, halaju dan cepatan.

[20 markah]

2. Apakah makna "konsep" dalam matapelajaran fizik? Bincangkan implikasinya ciri-ciri "konsep" untuk kaedah-kaedah mengajar di sekolah menengah.

Apakah satu "peta-konsep" dan gunanya untuk pengajaran-pembelajaran fizik di sekolah menengah?

[20 markah]

3. Terangkan bagaimana aktiviti-aktiviti projek, kajian luar dan perbincangan boleh digunakan untuk memenuhi matlamat-matlamat nilai-nilai murni (seperti di sukanan KBSM sains) dalam pelajaran fizik. Jelaskan jawapan anda dengan contoh-contoh sendiri.

[20 markah]

-- oooooo000oooo --